

1103/2

Bahasa Melayu

Kertas 2

Oktober

2020

$2\frac{1}{2}$ jam



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2020

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[*Lihat halaman sebelah*

SULIT

Soalan 1 : Rumusan**[30 markah]**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kepentingan mengekalkan warisan budaya dan kekangan dalam melestarikannya. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Malaysia mempunyai latar belakang zaman silam yang menarik sekali gus merupakan laluan dagangan antarabangsa suatu ketika dahulu, yang mempunyai pelbagai budaya di dalamnya. Malaysia memaparkan keunikan warisan budaya masyarakatnya yang mempunyai pelbagai pengaruh. Oleh hal yang demikian, tidak salah jika Malaysia digelar sebagai ‘kampus’ warisan budaya. Warisan budaya harus dikekalkan kerana warisan budaya melambangkan dan mencerminkan identiti sesebuah negara dan bangsa.

Tamadun sesuatu bangsa biasanya dapat dilihat pada warisan seni budayanya, yang mencakupi amalan dan cara hidup pelbagai kaum di negara ini seperti pakaian, makanan, adat resam, seni, dan sebagainya. Warisan budaya juga perlu dikekalkan demi kesinambungan tamadun. Melalui warisan budaya, kita akan mengetahui asal usul kita. Jatuh bangun susur galur kita yang terdahulu dapat dijadikan pengajaran untuk masyarakat kini. Selain itu, persembahan teater tradisional yang sering memainkan cerita-cerita bangsawan yang berlatarkan Kesultanan Melayu Melaka dan kejatuhaninya, mengingatkan masyarakat tentang pentingnya menjaga kedaulatan negara. Amalan warisan budaya melambangkan sifat majmuk masyarakatnya misalnya, pakaian tradisional pelbagai kaum yang unik dan berwarna-warni. Tiga kaum utama, iaitu Melayu, Cina, dan India, bebas memakai pakaian tradisional bangsa lain. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat di Malaysia bersatu hati dan sangat menghormati cara, pemikiran, budaya, dan agama sesama mereka.

Warisan budaya juga dapat memupuk perpaduan antara rakyat. Rakyat majmuk di Malaysia kaya dengan nilai-nilai murni. Contohnya, mereka saling menghormati, bersopan santun, saling mengunjungi, dan saling memahami. Hal ini mendedahkan mereka dengan budaya serta adat-adat masyarakat serumpun. Secara tidak langsung, semangat kekitaan dapat dipupuk dan dapat mengeratkan hubungan silaturahim. Pengekalan amalan warisan budaya juga menyebabkan sektor pelancongan mampu berkembang dengan pesat. Terdapat agensi-agensi yang sentiasa berusaha ke arah memartabatkan warisan budaya agar dikenali oleh orang luar. Contohnya, persembahan tradisional seperti tarian, teater, dan persembahan kesenian, sering diadakan bagi memperkenalkan Malaysia. Perkara ini diumpamakan sambil menyelam minum air kerana di samping mengekalkan warisan budaya bangsa, kita juga dapat membantu meningkatkan ekonomi negara, iaitu melalui pertukaran wang asing.

Kesimpulannya, warisan budaya seharusnya dikekalkan bagi mengelakkan warisan budaya sesebuah bangsa itu pupus ditelan zaman. Hal ini demikian kerana budaya ini merupakan warisan daripada nenek moyang kita yang harus dijaga sebaik-baiknya agar dapat diwarisi oleh generasi akan datang. Semua pihak haruslah memainkan peranan penting dalam menjaga warisan budaya sebagai satu identiti kaum, negara, dan maruah bangsa.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Warisan Budaya Dilupa Jangan’
oleh Norhafedah binti Jimily,
Makalah Warisan, Januari 2020

Soalan 2 : Pemahaman**[35 markah]****Soalan 2(a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *masyarakat serumpun*. **[2 markah]**
- (ii) Mengapakah pengarang menyatakan bahawa Malaysia wajar digelar sebagai ‘kampus’ warisan budaya?
Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk mengekalkan warisan budaya sesuatu bangsa agar tidak pupus ditelan zaman? **[3 markah]**
- (iii) Budaya merupakan warisan daripada nenek moyang kita.
Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk mengekalkan warisan budaya sesuatu bangsa agar tidak pupus ditelan zaman? **[4 markah]**

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Tapi, dunia ini sudah berubah, bonda. Kita bukan lagi hidup pada zaman perjuangan menentang musuh penjajah. Sekarang kita hidup dalam dunia yang mengejar harta, pangkat dan kekayaan di bumi mewah ini. Tanah air ini bukan milik bangsa kita sahaja. Kita hidup dengan perkongsian hak dan identiti yang sama rata. Sejarah lama tidak perlu dibangkitkan lagi.” Bonda merenung mata saya dengan ekor pandang yang penuh prejudis. Dihela nafas panjang-panjang menahan rasa sebelum bersuara, “Mel, sejarah bukan buta. Sejarah ialah guru yang tidak pernah berdusta. Bangsa yang membaca dan mengkaji sejarah silam tidak akan melakukan kesilapan kali kedua. Lihat bangsa Yahudi yang terus mencipta kejayaan besar dari zaman ke zaman kerana mengkaji sejarah lampau. Mereka membina agenda besar untuk bangsa dan keturunannya.”

Kata-kata bonda itu seolah-olah menikam tajam ke dalam urat-urat saraf saya. Saya pandang bonda sambil mengangguk sebelum kembali membelek helaian demi helaian kitab-kitab lama yang hampir lusuh dan tertanggal kulitnya.

Perkataan yang tertulis dalam tulisan jawi lama itu masih mampu saya baca dan fahami walaupun agak perlahan.

Dipetik daripada cerpen ‘Munsyi’
oleh Husna Nazri
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan petikan, apakah yang dinyatakan oleh Mel tentang kehidupan sekarang? [2 markah]
- (ii) Sejarah merupakan disiplin ilmu tentang peristiwa masa lampau.
Nyatakan kepentingan mempelajari sejarah. [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** persoalan lain daripada keseluruhan cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah baginda mendengar sembah orang itu, maka baginda pun terkejut seraya menampar-nampar pahanya. Maka titah baginda, “Wah, datanglah pula bala atas negeriku! Baiknya ada Laksamana; jikalau Laksamana kuutuskan ke negeri orang, binasalah negeri ini.”

Maka baginda pun bertitah kepada Temenggung, “Hai Temenggung, suruh orang berkawal dan segala saudagar berkawal pada kampungnya!” Maka Temenggung pun menyuruh orangnya berkisah orang kaya-kaya dan saudagar berkawal pada kampungnya. Setelah hari malam, maka Temenggung pun menyuruh orangnya berkawal, terlalu banyak dengan lembing perisai dan segala saudagar pun masing-masing berkawal pada kampungnya.

Sebermula maka Kertala Sari pun masuk ke dalam. Maka dilihatnya oleh Kertala Sari orang berkawal terlalu banyak dengan alat senjatanya. Maka Kertala Sari pun membaca pustakanya lalu berjalan di tengah orang banyak itu. Maka ia pun pergi ke rumah seorang kaya. Maka dicurinya harta yang kemas-kemas itu lalu dibawanya kembali dan bini orang kaya-kaya itu dicabulinya. Maka ia pun kembali ke tempatnya.

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menyuruh orangnya*. [2 markah]
- (ii) Apakah yang dilakukan oleh Kertala Sari apabila melihat terlalu ramai orang berkawal? [3 markah]
- (iii) Mencuri merupakan perbuatan yang bertentangan dengan norma sosial dan tidak bermoral. Nyatakan peranan pihak sekolah dalam mendidik murid untuk mengekang salah laku ini. [3 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2(d) – Puisi Tradisional

Baca petikan gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Beberapa Petua Hidup***Ilmu***

Jikalau ilmu tiada sempurna,
Tiada berapa ia berguna.

Ilmu kepandaian boleh dikehjera,
Asal muahu rajin belajar.

Dunia Pergaulan

Dunia ini taman pergaulan,
Hendaklah pilih sahabat dan taulan.

Manusia dikenal sifat budinya,
Dengan dilihat siapa kawannya.

Burung yang sama corak dan bulu,
Selalu sekumpul ke hilir ke hulu.

Sifat-sifat yang Baik

Jikalau kamu bersifat budiman,
Dipandang sebagai bunga di taman.

Jikalau kamu bersifat dermawan,
Segala orang dapat kautawan.

Jikalau kamu bersifat pemurah,
Segala manusia datang menyerah.

Dipetik daripada gurindam ‘Beberapa Petua Hidup’
oleh Za’ba
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan gurindam tersebut, apakah kelebihan yang diperoleh apabila kita mempunyai sifat-sifat yang baik? [2 markah]
- (ii) Pergaulan yang bebas mendatangkan kesan yang negatif kepada diri remaja.
Pada pendapat anda, bagaimakah cara untuk mengawal diri daripada perkara tersebut? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** nilai yang terdapat dalam gurindam tersebut. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**[30 markah]****Jawab semua soalan.**

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) ada-ada
- (ii) gara-gara
- (iii) rata-rata
- (iv) sambil-sambil
- (v) tiba-tiba
- (vi) ura-ura

[6 markah]

- (b) Tukar dialog di bawah kepada ayat cakap pindah tanpa mengubah maksud asalnya.
- Puan Shila : Kak Anis memang bertuah kerana mempunyai anak perempuan yang pandai memasak.
- Puan Anis : Dia pandai memasak kerana pernah bekerja di sebuah restoran bertaraf antarabangsa di Pulau Langkawi.
- Puan Shila : Wah, patutlah ruang dapur rumah Kak Anis nampak bersih dan tersusun!
- Puan Anis : Sebenarnya, dia sudah dilatih cara menjaga kebersihan dan susun atur ruang dapur semasa bekerja di restoran dahulu.
- Puan Shila : Saya bercadang hendak jadikan dapur rumah saya kelihatan seperti dapur rumah Kak Anis.
- Puan Anis : Kamu boleh belajar daripada anak perempuan saya cara susun atur ruang dapur dan saya percaya dia tidak berkeberatan untuk mengajar kamu.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kegiatan edaran dadah di kawasan bandar perlu dibanteras bagi mengurangkan kadar indek kejadian jenayah.
- (ii) Walaupun hidup dalam serba kekurangan, namun Pak Ali tidak sesekali meharapkan belas chsan daripada orang lain.
- (iii) Pihak bank hendaklah sentiasa menaiktaraf sistem keselamatan perbankan elektronik memandangkan pelbagai teknologi dan kaedah penipuan telah dicipta oleh pengodam untuk menerobos sistem keselamatan aplikasi melalui Internet.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kecairan yang berlaku dalam pengurusan kewangan syarikat peruncitan itu telah mengakibatkan kerugian besar dalam syarikat operasi perniagaan tersebut.
- (ii) Semua agensi kerajaan telah mengambil langkah berjaga dalam usaha mengekang penularan sindrom Coronavirus demi mengelakkan suasana panik dalam kalangan rakyat.
- (iii) Pemandu kereta yang memandu secara menyongsang arus di Lebuh Raya Kajang Seremban (LEKAS) sehingga mengakibatkan seorang maut telah disahkan memandu dengan keadaan mabuk.

[6 markah]

(e) *Baca dialog di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam dialog tersebut.*

Bapa : Di taman perumahan ini, kita dengan jiran mestilah sentiasa tolong-menolong, bak kata orang tua-tua _____.
Kita memerlukan pertolongan jiran dan jiran juga memerlukan pertolongan kita.

Anak : Betul, ayah. Sikap terlalu mementingkan diri sendiri tanpa mempedulikan orang lain seperti _____ perlulah dielakkan.

Bapa : Dalam hidup berjiran, segala susah senang hendaklah sama-sama dirasa, ibarat _____.

[6 markah]

Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Lestenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
 - (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
 - (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
 - (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
 - (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
 - (vi) Tirani karya Beb Sabariah
 - (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mat Yusop
 - (viii) Silih Daksina karya Nizar Parman
- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda pelajari,uraikan **dua** perwatakan watak utama dalam novel tersebut. [7 markah]
- (b) Kegigihan merupakan salah **satu persoalan** yang terdapat dalam novel yang anda pelajari. Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, jelaskan satu **contoh** yang dapat membuktikan pernyataan tersebut. [8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT